

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)45

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

45. Apakah punca kemerosotan hasil padi pada musim lepas?
- (a) Apakah insentif dan bantuan kebajikan yang kerajaan salurkan kepada pesawah yang terjejas teruk?
 - (b) Jika kesan ini berlarutan, apakah langkah penyelesaian untuk mengelakkan pesawah meninggalkan profesion ini?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

45. Punca kemerosotan hasil padi pada musim lalu adalah disebabkan berlakunya banjir pada penghujung tahun 2022 dan hasil dituai pada tahun 2023. Berdasarkan rekod dari Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (DOA) menunjukkan keluasan tanaman padi yang terjejas adalah berkeluasan 72.46 hektar yang melibatkan seramai 44 orang pesawah di Daerah Seberang Perai Utara (SPU) dan Daerah Seberang Perai Selatan (SPS).

Selain itu, isu tanah jerlus seluas 1,065.48 hektar juga telah menyebabkan petani tidak dapat menuai hasil menggunakan jentera. Hasil dituai menggunakan tenaga buruh di kawasan jelapang padi yang terlibat bagi kawasan tanah jerlus. Ini juga turut menyumbang kepada kemerosotan hasil padi pada musim lalu.

Selain dari faktor-faktor di atas, serangan penyakit dan perosak yang berlaku sepanjang tahun juga menyebabkan kemerosotan hasil padi bagi tahun 2023. Selain itu, isu ketidakcukupan Benih Padi Sah (BPS) di negeri Pulau Pinang juga menjadi salah satu sebab kemerosotan hasil padi apabila padi ditanam lewat dari jadual tanaman. Apabila proses tanaman ini dibuat tidak mengikut jadual, ia telah menyebabkan serangan penyakit dan perosak seterusnya menyebabkan padi menjadi tidak sekata semasa serangan berlaku.

- (a) Bagi membantu pesawah yang terjejas teruk, Kerajaan Persekutuan telah memberikan insentif dan bantuan di bawah Tabung Bantuan Tanaman Padi (TBTP). Tabung khas ini diwujudkan bagi menyalurkan bantuan kepada pesawah-pesawah yang terjejas dengan tanaman padi dan mereka boleh menerima bantuan tersebut dengan melaporkan kerosakan tanaman padi akibat bencana kepada pihak DOA.

Hasil siasatan berkaitan tanaman padi yang terjejas telah dihantar kepada pihak ibu pejabat untuk kelulusan di Peringkat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM). Bantuan tersebut telah diterima oleh petani di negeri ini pada tahun 2023.

- (b) Pelbagai inisiatif telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi terus menarik minat petani dalam kegiatan penanaman padi serta mengelakkan pesawah meninggalkan pekerjaan ini. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti berikut:-
- (i) Pemberian *one-off* kepada semua pesawah yang berdaftar dengan DOA;
 - (ii) Mengadakan program gotong-royong;
 - (iii) Melaksanakan program *Farmers Field School*;
 - (iv) Pemberian *drone* penyembur racun dan *mini combine harvester* kepada koperasi padi; dan
 - (v) Pengajuran kursus yang berkaitan tanaman padi yang dilaksanakan sepanjang tahun.